

13 AUG 2003

Gerakan-MCA/I

GERAKAN HARAP KERJASAMA DENGAN MCA ATAS SEMANGAT TULEN BN

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Gerakan berharap kerjasamanya dengan MCA akan berlandaskan semangat tulus Barisan Nasional (BN) dan tidak mengakibatkan kerugian kepada parti itu, kata setiausaha agungnya Chia Kwang Chye hari ini.

Beliau berkata kerjasama antara kedua-dua parti sebelum ini adalah baik tetapi ada beberapa ketika ia menyebabkan Gerakan "rugi" dan keadaan itu membuatkan rasa kurang senang di kalangan anggota parti.

"MCA tidak seharusnya melupakan `sejarah Pulau Pinang' apabila parti itu hilang semua kerusi pada pilihan raya umum 1990 dan Gerakan menghulurkan bantuan kepada MCA mendapatkan semula beberapa kerusi selepas itu," katanya kepada pemberita di ibu pejabat Gerakan di sini.

Pada pilihan raya umum 1990, MCA tewas semua kerusi yang ditandinginya di Pulau Pinang manakala Umno menang 12 kerusi dan Gerakan menang tujuh daripada 11 kerusi yang ditandingi.

Chia berkata demikian apabila mengulas tentang pengumuman kedua-dua parti yang akur terhadap nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar MCA dan Gerakan melupakan semua pertelagahan bagi memastikan kemenangan selesai BN pada pilihan raya akan datang.

Menurut Chia, MCA harus mengambil iktibar daripada pengajaran 1990 itu kerana Gerakan yang inginkan kestabilan di Pulau Pinang, bersedia membantu MCA memenangi lebih banyak kerusi pada pilihan raya akan datang.

Beliau berkata di antara 1990 dan 1995, Gerakan tetap mengekalkan semua anggota majlis dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) daripada MCA di negeri itu walaupun MCA tidak mempunyai wakil dalam kerajaan negeri.

Chia berkata sungguhpun kerjasama dan muhibbah diberikan oleh Gerakan, MCA telah membuat keputusan menerima dua anggota Dewan Undangan Negeri dari Gerakan iaitu Lim Chin Aun (Bayan Lepas) dan Lim Boo Chang (Datuk Keramat) sebagai anggota parti itu beberapa hari selepas pilihan raya umum 1999.

Beliau berkata satu lagi insiden yang menyebabkan Gerakan kecewa ialah apabila Boo Chang dan seorang lagi anggota dewan dari MCA Tan Cheng Liang (Jawi), berkecuali dalam pengundian mengenai usul DAP tentang projek Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) pada sidang Dewan.

Chia berkata selepas menggantung kedua-dua anggota berkenaan pada Disember lalu, Majlis Presiden MCA kemudian mengumumkan penarikan balik penggantungan tanpa memaklukkannya kepada pengerusi BN negeri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

"Untuk sembuh sepenuhnya akan mengambil masa. Apa perasaan anda, tiga hari selepas pilihan raya umum, kedua-dua Lim itu diterima sebagai anggota MCA, lepas dua anggota mereka berkecuali (undi menentang usul DAP), pengantungan pula ditarik balik (tanpa memaklumkan pengerusi BN negeri)," katanya.

Chia juga berkata Gerakan sedia "memaaf dan melupakannya" demi kepentingan BN tetapi MCA perlu menyelesaikan masalah dalaman parti itu di Pulau Pinang.

Beliau berkata Gerakan tidak mahu kerjasama antara kedua-dua parti dirundung oleh masalah dalaman MCA Pulau Pinang.

Mengenai kenyataan timbalan pengerusi MCA Pulau Pinang Datuk Koay Kar Huah semalam bahawa Gerakan Pulau Pinang melayan MCA sebagai parti kelas ketiga, Chia berkata beliau menyerahkan kepada pemimpin Gerakan di negeri itu untuk mengulas perkara itu.

-- BERNAMA
AT AZZ RM MOZ